

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

YWP 221 – KEWARTAWANAN I

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU [1]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA [3]** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Huraikan struktur organisasi sebuah bilik berita kecil dan tugas kakitangan editorialnya. Huraian perlu memberi penekanan kepada peranan mereka sebagai *gatekeeper*.
2. Terdapat tiga aliran pemikiran dalam etika kewartawanan [Faridah Ibrahim & Mus Chairil [Peny.] 2000]. Hurai dan bincangkan tiga aliran tersebut dalam konteks kewartawanan di Malaysia.
3. Sesuatu kejadian atau peristiwa akan mendapat tempat dalam akhbar sekiranya ia memenuhi kriteria tertentu. Bincangkan kriteria yang lazim digunakan sebagai ukuran oleh akhbar dalam penentuan ini. Huraikan juga faktor "bukan berita" yang mempengaruhi pemilihan dan penyiaran sesuatu berita.
4. Maklumat untuk dijadikan bahan penulisan boleh didapati dari berbagai sumber. Huraikan sumber tersebut serta jelaskan kegunaan setiap sumber itu.
5. Dalam *Media Watch*, [Kua Kia Soong, 1990] Raja Aziz Addruse mendakwa bahawa kebebasan berakhbar di negara ini semakin terhakis. Hurai dan nilaikan dakwaan tersebut.